



## Majlis Perpisahan Dekan

Prof Madya Dr. Sitti Raehanah Binti Muhamad Shaleh telah berkhidmat sebagai Dekan di Fakulti Pertanian Lestari selama hampir dua tahun dari 17 Julai 2012 sehingga 31 Mei 2014. Semasa berkhidmat di fakulti ini, beliau sangat menekankan kepada perancangan kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan semasa kepimpinan beliau ialah amalan gotong royong di kalangan warga yang melibatkan kakitangan dan pelajar dan juga Karnival Tani 2013 yang julung kali diadakan di dalam daerah Sandakan. Kejayaan ini adalah cerminan kepada sikap beliau yang sentiasa memberikan sokongan padu kepada program yang menaikkan bidang pertanian khususnya di negeri ini. Pihak fakulti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau.



Prof. Madya Dr. Sitti Raehanah bersama kakitangan Fakulti Pertanian Lestari